

**Adakah pembunuhan pengasas AmBank ada kaitan dengan 1MDB? - Kit Siang
Astro Awani
Julai 07, 2015**

KUALA LUMPUR: Penasihat DAP Lim Kit Siang hari ini menggesa Ketua Polis Negara Tan Sri Khalid Abu Bakar membuka semula kes pembunuhan pengasas AmBank Hussein Ahmad Najadi yang ditembak mati di Bukit Bintang pada Julai 2013.

"Pihak polis seharusnya menyiasat sama ada betul atau tidak bahawa pada Mac 2013, Hussein telah dilaporkan ke Bank Negara mengenai sejumlah besar wang yang dimasukkan ke akaun peribadi Najib dan kemudiannya mengenai sejumlah besar wang yang dikeluarkan dari bank-bank tersebut; dan Hussein telah membuat laporan polis tentang perkara itu pada 28 Julai 2013 apabila tiada sebarang tindakan daripada Bank Negara," dakwa Ahli Parlimen Gelang Patah itu dalam satu kenyataan.

Dalam kejadian pada 28 Julai 2013 itu, Hussein maut di tempat kejadian sementara isterinya Chong Mei Kuan, 46, cedera parah apabila mereka ditembak pada jarak dekat di tempat letak kereta kuil Cina di Lorong Ceylon dekat sini.

Dalam pada itu, Lim turut bersetuju supaya sebuah Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) ditubuh bagi menyiasat laporan *Wall Street Journal (WSJ)* yang mendakwa dana hampir AS\$700 juta (kira-kira RM2.6 bilion) telah dimasukkan ke akaun peribadi perdana menteri Datuk Seri Najib Razak.

"Dan adalah bagus sekiranya RCI tersebut dipengerusikan bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad kerana ia akan menunjukkan bahawa tiada apa yang perlu disembunyikan Najib dalam skandal 1MDB ini dan membuktikan beliau tidak bersalah," katanya.

Menurut Lim, RCI tersebut perlu diberi tempoh tiga bulan untuk menyiapkan laporan dan dalam tempoh tersebut Najib perlu mengambil cuti.

Jumaat lalu, Najib telah menyangkal laporan *Wall Street Journal (WSJ)* yang mendakwa dana hampir AS\$700 juta (kira-kira RM2.6 bilion) telah dimasukkan ke akaun peribadinya.

Dalam laporan itu, *WSJ* mendakwa dokumen menunjukkan dana tersebut dipindahkan ke agensi milik kerajaan dan kemudiannya ke akaun peribadi Perdana Menteri dalam beberapa deposit berasingan.

Sarawak Report pula pada Jumaat mendakwa RM42 juta dimasukkan ke akaun Najib daripada SRC International Sdn Bhd, sebuah syarikat milik Kementerian Kewangan.

Kedua-dua *WSJ* dan *Sarawak Report* memetik dokumen yang kononnya diperoleh daripada siasatan ke atas 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Dalam perkembangan terbaru, Pasukan Petugas Khas bagi menyiasat dakwaan dana disalurkan ke akaun Najib memaklumkan bahawa enam akaun bank pihak-pihak yang dipercayai terlibat dalam kes terbabit telah menerima arahan pembekuan.

Perintah pembekuan enam akaun bank pihak-pihak yang dipercayai terlibat dalam kes ini telah pun dikeluarkan pada 6 Julai 2015.

Selain itu, Pasukan Petugas Khas itu juga telah mengambil dokumen-dokumen berkaitan 17 akaun daripada dua buah bank bagi membantu siasatan.

Copyright © Astro Awani Network Sdn. Bhd. 2014 (535275-D).

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/adakah-pembunuhan-pengasas-ambank-ada-kaitan-dengan-1mdb-kit-siang-65083>